

# Saintis: Percayai impian sendiri, usah mudah putus asa

SEMASA kecil dahulu, beliau suka membelah anak patung beruang koala bukan kerana nakal tetapi semata-mata kerana sifat ingin tahu.

Semangat ingin tahu itu terbawa-bawa hingga dewasa dan kini Dr Azhar Ali bergelar pakar kajian sains barah.

Pencapaian beliau dan beberapa individu cemerlang mendapat perhatian Perdana Menteri Lee Hsien Loong dalam Rapat Hari Kebangsaan malam tadi.

Menurut Encik Lee, Dr Azhar, Saintis Kajian Kanan di Institut Sains Barah Singapura (CSI), adalah antara warga Singapura yang ghairah mengejar cita-cita dan menemui pencapaian baru.

“Azhar sedang memimpin pasukan penyelidik dari Singapura dan Amerika Syarikat untuk mengkaji barah peparu.

“Pasukan itu baru-baru ini membuat satu penemuan baru. Mereka menemui sejenis dadah pelangsing yang dapat membantu mengawal barah peparu. Syabas Azhar!” ujar Encik Lee.

Diminta mengulas, Dr Azhar, 47 tahun, yang kini berada di Bangkok kerana melawat rakannya, dalam teks *WhatsApp* kepada wartawan berkata:

“Saya rasa ramai lagi yang lebih layak daripada saya.

“Tapi saya juga berharap semua warga Singapura perlu percaya pada impian mereka dan tidak mudah berputus asa.

“Usah takut dengan perkara yang tidak diketahui, dan nikmatilah perjalanan yang diberi nama kehidupan.”

Semasa ditemu ramah wartawan baru-baru ini, Dr Azhar menceritakan tabiatnya yang gemar ‘membedah’ anak patung beruang koala kakaknya semasa kecil dahulu.

“Apa yang saya lakukan semasa kecil itu mendapat teguran bapa saya.

“Apakan tidak! Saya ‘bedah’ anak patung kegemaran kakak saya dengan menggunakan gunting kerana ingin tahu sangat apakah yang terdapat dalam tubuh patung beruang koala itu.

“Saya juga sempat pakai pelitup berupa sapu tangan... kononnya macam doktor,” kata beliau sambil ketawa mengingatkan kisah lama itu.

Peristiwa itu membuat kedua beradik itu menangis.

Sedang si kakak menangis kerana anak patung kegemarannya ‘hancur’, si adik pula menangis kerana tidak mendapat jawapan yang diinginkan selepas anak patung tersebut dibedah.

Baru-baru ini, pasukannya membuat penemuan tentang bagaimana sel-sel barah peparu mengubah metabolisme untuk menambah bekalan tenaga, sehingga sel-sel itu membiak. Penemuan itu boleh dijadikan sasaran bagi terapi barah yang baru.

“Bak kata pepatah, hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Saya berpegang kepada pepatah itu selain disiplin diri yang menjadi kunci kejayaan.

“Dan itu juga yang sering saya ingatkan kepada anak-anak saudara saya termasuk anak-anak kakak saya yang pernah saya ‘bedah’ anak patungnya,” kata jejak yang masih bujang itu lagi.



**PENUHI IMPIAN:** Sifat ingin tahunya terbawa-bawa sehingga dewasa dan kini Dr Azhar Ali, saintis Kajian Kanan di Institut Sains Barah Singapura (CSI), baru-baru ini membuat penemuan tentang bagaimana sel-sel barah peparu mengubah metabolisme untuk menambah bekalan tenaga, sehingga sel-sel itu membiak. – Foto BH oleh SONG TAO